A

Dalam Perkara Sia Swee Seng; ex parte Mayban Finance Bhd

B

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO 29–201 TAHUN 1999
SURIA KUMAR PK
7 JANUARI 2024

C

Kebankrapan — Pelepasan — Bersyarat — Permohonan oleh pemohon untuk deklarasi perintah pelepasan dengan bersyarat masih sah dan untuk pengembalian status tidak bankrap — Sama ada pemohon boleh memohon remedi deklarasi daripada mahkamah yang melaksanakan kuasa-kuasa kebankrapan di bawah bidangkuasa kebankrapan — Sama ada pemohon perlu menyerahkan permohonan kepada pemiutang-pemiutang — Sama ada pemohon berhak untuk dikembalikan kepada status dilepas dengan bersyarat bawah s 33(10) Akta Insolvensi 1967 ('Akta') — Sama ada Ketua Pengarah Insolvensi berhak menukar status pemohon daripada dilepas dengan bersyarat bawah s 33(10) Akta kepada status bankrap secara pentadbiran sahaja tanpa memperolehi perintah mahkamah terlebih dahulu — Akta Insolvensi 1967 s 33 — Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 k 19

D

E

Pemohon yang direkodkan tiga prosiding kebankrapan ke atasnya, memohon untuk dilepaskan menurut s 33(1) Akta Insolvensi 1967 ('Akta'). Setelah mempertimbangkan laporan Ketua Pengarah Insolvensi ('KPI') yang difailkan dan persetujuan pemiutang-pemiutang, mahkamah memerintahkan pada 16 September 2008 agar pemohon dilepaskan dengan syarat menurut s 33(10) Akta. Walau bagaimanapun, pemohon gagal mematuhi syarat perintah tersebut apabila gagal menjelaskan keseluruhan baki hutang yang terbukti di bawah kebankrapan berjumlah RM38,357,405.63 kepada KPI. Menurut pemohon, status pemohon dalam carian bersama Jabatan Insolvensi Malaysia pada 4 Julai 2022 menunjukkan 'tidak bankrap' tetapi pada 17 November 2022 statusnya menunjukkan sebagai 'bankrap'. Pemohon menerima daripada KPI notis tunggakan bayaran RM300 sebulan berjumlah RM33,300 pada 24 November 2022, yang kemudiannya telah dibayar. Oleh itu, pemohon memfailkan permohonan untuk satu deklarasi bahawa perintah pelepasan dengan bersyarat di bawah s 33(10) Akta masih kekal sah dan berkuatkuasa. Pemohon juga memohon agar status tidak bankrap dikembalikan semula pada semua rekod bersama Jabatan Insolvensi Malaysia. Permohonan tersebut ditolak dan oleh itu, rayuan ini. Isu-isu untuk penentuan adalah: (a) sama ada pemohon boleh memohon remedi deklarasi daripada mahkamah yang melaksanakan kuasa-kuasa kebankrapan di bawah bidangkuasa kebankrapan; (b) sama ada pemohon perlu menyerahkan permohonan kepada pemiutang-pemiutang; (c) sama ada pemohon berhak untuk dikembalikan

F

G

H

I

kepada status dilepas dengan bersyarat bawah s 33(10) Akta; dan (d) sama ada KPI berhak menukar status pemohon daripada dilepas dengan bersyarat bawah s 33(10) Akta kepada status bankrap secara pentadbiran sahaja tanpa memperolehi perintah mahkamah terlebih dahulu.

Diputuskan, menolak rayuan dengan kos:

(1) Tiada peruntukan bawah Akta yang memberi kuasa kepada mahkamah untuk memberi remedi perintah deklarasi yang merupakan satu remedi 'equitable' di bawah Akta Relif Spesifik 1950 iaitu di bawah bidang kuasa mahkamah sivil dan bukan bidang kuasa mahkamah kebankrapan. Pemohon seharusnya bersandarkan permohonannya untuk mengembalikan status pelepasan dengan bersyarat di bawah peruntukan Akta dan bukan dengan memohon remedi deklarasi. Permohonan pemohon adalah tidak teratur dan harus ditolak (lihat perenggan 24–26).

(2) Kaedah 19 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 ('Kaedah-Kaedah') menjadikan mandatori untuk sesuatu permohonan diserahkan kepada semua pihak kecuali sekiranya Kaedah-Kaedah ini atau Akta memperuntukkan selainnya. Walau bagaimanapun, permohonan ini hanya diserahkan kepada KPI dan tidak diserahkan kepada pemiutang-pemiutang. Adalah kewajipan pemohon untuk menyerahkan permohonan kepada semua pemiutang. Kegagalan untuk menyerahkan permohonan kepada pemiutang-pemiutang adalah serius dan oleh itu, permohonan ini ditolak atas mematuhi k 19 Kaedah-Kaedah (lihat perenggan 29–30, 32, 34 & 36).

(3) Status pemohon adalah masih bankrap tetapi hanya dilepaskan dengan bersyarat dan harta pemohon masih di bawah pentadbiran KPI. Perintah pelepasan bersyarat belum dipatuhi kerana KPI masih belum mendapatkan daripada pemohon wang sebanyak RM38,357,405.63 tidak termasuk kos dan perbelanjaan KPI. Oleh yang demikian, tidak timbul persoalan bahawa pemohon boleh dikembalikan ke status tidak bankrap (lihat perenggan 60 & 63–64).

(4) Seksyen 33 Akta tidak memperuntukkan keperluan KPI untuk membuat sebarang permohonan kepada mahkamah untuk menukar status pemohon daripada pelepasan bersyarat di bawah s 33(10) Akta kepada status bankrap. Status pemohon yang dilepaskan bersyarat masih kekal sebagai seorang bankrap selagi syarat tidak dipatuhi. Oleh yang demikian, adalah hak KPI untuk menukar status pemohon dalam rekod mereka kepada bankrap (lihat perenggan 65–66 & 69).

[English summary

The applicant, who had three bankruptcy proceedings recorded against him, applied for discharge pursuant s 33(1) of the Insolvency Act 1967 ('the Act').

After considering the report filed by the Director General of Insolvency ('DGI') and the consent of the creditors, the court ordered on 16 September 2008 that the applicant be discharged conditionally under s 33(10) of the Act. However, the applicant failed to comply with the conditional discharge order by not settling the total proven debt under bankruptcy amounting to RM38,357,405.63 to the DGI. According to the applicant, his status in a search with the Malaysian Department of Insolvency on 4 July 2022 showed 'not bankrupt' but on 17 November 2022, his status showed 'bankrupt'. The applicant received from the DGI a notice of arrears of payment of RM300 per month amounting to RM33,300 on 24 November 2022, which was subsequently paid. Hence, the applicant filed an application for a declaration that the conditional discharge order under s 33(10) of the Act was still valid and in force. The applicant also sought a declaration that his non-bankrupt status be reinstated in all records with the Malaysian Department of Insolvency. This application was dismissed and hence, this appeal. The issues for determination were: (a) whether the applicant could seek declaratory relief from the court exercising bankruptcy powers under bankruptcy jurisdiction; (b) whether the applicant should serve the application to the creditors; (c) whether the applicant was entitled to reinstatement to conditional discharge status under s 33(10) of the Act; and (d) whether the DGI was entitled to change the applicant's status from conditional discharge under s 33(10) of the Act to bankrupt status administratively without first obtaining a court order.

Held, dismissing the appeal with costs:

(1) There was no provision under the Act that granted the court the power to issue declaratory relief, which was an 'equitable' remedy under the Specific Relief Act 1950, falling under the jurisdiction of civil courts and not bankruptcy courts. The applicant should base his application to reinstate the conditional discharge status under the provisions of the Act and not by seeking declaratory relief. The applicant's application was irregular and should be dismissed (see paras 24–26).

(2) Rule 19 of the Insolvency Rules 2017 ('the Rules') mandated that an application must be served to all parties unless the Rules or the Act provided otherwise. However, this application was only served to the DGI and not to the creditors. It was the applicant's duty to serve the application to all creditors. The failure to serve the application to the creditors was serious, and thus, this application was dismissed for non-compliance with r 19 of the Rules (see paras 29–30, 32, 34 & 36).

(3) The applicant's status remained that of a bankrupt, though conditionally discharged, and the applicant's assets were still under the administration of the DGI. The conditional discharge order had not been complied with as the DGI had not yet received from the applicant the sum of RM38,357,405.63, excluding the costs and expenses of the DGI.

Therefore, the issue of the applicant being restored to non-bankrupt status did not arise (see paras 60 & 63–64).

(4) Section 33 of the Act did not require the DGI to make any application to the court to change the applicant's status from conditional discharge under s 33(10) of the Act to bankrupt status. The status of the applicant as conditionally discharged continued to remain as a bankrupt as long as the conditions were not complied with. Therefore, it was within the rights of the DGI to change the applicant's status in their records to bankrupt (see paras 65–66 & 69).]

Kes-kes yang dirujuk

Dato' Lim Huah Leong v Engtex Marketing Sdn Bhd [2015] 9 MLJ 639; [2016] 5 MLRA 457, MT (dirujuk)

Jivol @ Edmund bin Doudilim v The Director General of Insolvency Malaysia [2023] 10 MLJ 140; [2023] 4 CLJ 500, MT (dirujuk)

Malaysia Building Society Bhd v Tan Sri General Ungku Nazaruddin bin Ungku Mohamed [1998] 2 MLJ 425; [1998] 2 CLJ 340, MR (dirujuk)

Pathmasingam Mavilaganan, Per v Public Bank Bhd [1999] MLJU 764; [2000] 2 CLJ 92, MT (dirujuk)

Seloga Jaya Sdn Bhd v Pembenaan Keng Ting (Sabah) Sdn Bhd [1994] 2 MLJ 97, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Insolvensi 1967 ss 33(1), (3), (5), (10), 91, 91(1), (2)
Akta Relif Spesifik 1950
Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 kk 19, 21, 187

Mohd Farid bin Ismail (Hamidi & Farid) bagi pihak pemohon.
Arief Aiman bin Hamir Hamzah (Siti Nor Nadirah bt Bahsan bersamanya) (Jabatan Insolvensi Malaysia) bagi pihak ketiga.

Suria Kumar PK:

PERMULAAN

[1] Ini adalah satu rayuan kepada hakim dalam kamar oleh si bankrap/pemohon terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar YB pada 7 Mei 2023.

[2] Rayuan adalah terhadap keputusan penolakan permohonan pemohon untuk satu deklarasi bahawa perintah pelepasan dengan bersyarat di bawah s 33(10) Akta Kebankrapan 1967 bertarikh 16 September 2008 masih kekal sah dan berkuatkuasa. Lanjutan daripada itu pemohon juga memohon agar

status beliau tidak bankrap dikembalikan semula pada semua rekod bersama Jabatan Insolvensi Malaysia.

[3] Ketua Pengarah Insolvensi ('KPI') membantah terhadap permohonan pemohon ini.

[4] Pihak-pihak akan dirujuk sebagai pemohon dan KPI dalam penghakiman ini.

LATAR BELAKANG KES

[5] Latar belakang kes ini adalah sepertimana yang dinyatakan dalam hujahan kedua-dua pihak dan dikemukakan di bawah ini.

[6] Perintah penerimaan dan perintah penghukuman ('PP dan PP') telah direkodkan terhadap pemohon oleh Mahkamah Tinggi Muar dalam Perkara Kebankrapan No 29–201 Tahun 1999 pada 25 July 2000 atas permohonan Mayban Finance Bhd.

[7] Pada 7 Mac 2002, PP dan PP sekali lagi direkodkan terhadap pemohon oleh Mahkamah Tinggi Muar dalam Perkara Kebankrapan No 29–93 Tahun 2008 atas permohonan Multi-Purpose Bank Bhd.

[8] Pada 14 Januari 2003, PP dan PP untuk kali ketiga telah direkodkan terhadap pemohon oleh Mahkamah Tinggi Muar dalam Perkara Kebankrapan No 29–1292 Tahun 2001 atas permohonan Bumiputra Commerce Bank Bhd.

[9] Kemudian atas permohonan KPI, ketiga-tiga prosiding kebankrapan yang direkodkan ke atas pemohon kemudiannya disatukan melalui perintah mahkamah bertarikh 25 Mac 2008 dan ditadbir dalam Perkara Kebankrapan No 29–201 Tahun 1999.

[10] Pemohon telah memohon kepada mahkamah untuk dilepaskan menurut s 33(1) Akta Insolvensi 1967. Setelah mempertimbangkan laporan KPI yang difailkan dan persetujuan pemiutang-pemiutang, mahkamah telah memerintahkan pada 16 September 2008 agar pemohon dilepaskan dengan syarat menurut s 33(10) Akta 360. Penghakiman dicatatkan terhadap pemohon oleh KPI bagi baki hutang yang boleh dibuktikan di bawah kebankrapan yang tidak dijelaskan pada tarikh bankrap dilepaskan dengan bersyarat.

[11] Susulan perintah tersebut, pemohon telah menandatangani 'Persetujuan Bankrap Untuk Penghakiman Dimasukkan Di Bawah

Subseksyen 33(10) bertarikh 16 September 2008'.

[12] Selanjutnya, 'Hukuman Hendaklah Dicatitkan Menurut Persetujuan bertarikh 16 September 2008' dikeluarkan oleh mahkamah yang mana mahkamah menghukumkan bahawa KPI mendapatkan daripada pemohon wang sebanyak RM38,357,405.63 tidak termasuk kos dan perbelanjaan KPI.

[13] Setakat pemfailan permohonan ini, bayaran dividen yang telah dibayar kepada sembilan pemiutang-pemiutang secara *pari passu* adalah sebanyak 0.40% iaitu hanya berjumlah RM148,883.88 dan masih belum mencukupi untuk menjelaskan keseluruhan baki hutang yang terbukti di bawah kebankrapan berjumlah RM38,357,405.63.

[14] Pemohon telah gagal mematuhi syarat perintah tersebut dengan membuat bayaran penuh ke atas jumlah RM38,357,405.63 kepada KPI.

[15] Menurut pemohon, pada 4 July 2022, status pemohon dalam carian online bersama Jabatan Insolvensi Malaysia menunjukkan 'Tidak Bankrap' tetapi carian online pada 17 November 2022 menunjukkan status pemohon sebagai 'Bankrap'.

[16] Pemohon telah menerima daripada KPI Notis Tunggakan Bayaran RM300 sebulan berjumlah RM33,300 pada 24 November 2022.

[17] Lanjutan daripada itu, bayaran tunggakan ini telah dibuat oleh anak pemohon bagi pihak pemohon.

[18] Pemohon kemudian telah memfailkan permohonan ini.

[19] Penolong Kanan Pendaftar YB menolak permohonan pemohon dan ini adalah rayuan pemohon terhadap keputusan tersebut.

ANALISA DAN DAPATAN MAHKAMAH

[20] Rayuan kepada hakim dalam kamar ini adalah suatu pendengaran semula ('rehearing') seolah-olah permohonan pemohon tersebut didengar pertama kalinya di hadapan hakim sebagaimana diputuskan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Seloga Jaya Sdn Bhd v Pembenaan Keng Ting (Sabah) Sdn Bhd* [1994] 2 MLJ 97, seperti berikut:

> Held, allowing the appeal and referring the matter to arbitration:
>
> (1) *In an appeal from a discretionary order of the SAR to a judge-in-chambers, the judge should exercise his own discretion as though the matter was before him for the first time*, unfettered by the previous exercise of the SAR's

> discretion. The judge should give the decision the weight it deserves and since the SAR gave only a bare decision or a simple ipse dixit, and not a judgment, it deserved no weight at all. Yet the judge gave some weight to the decision of the SAR. *Furthermore, although the matter before the judge was in form an appeal, it took the shape and style of a rehearing.* The judge was therefore wrong in treating the matter as an appeal and by taking the approach that he was not to exercise an independent discretion of his own, but had to defer to the SAR's exercise of his discretion and could not interfere with it merely on the ground that he would have exercised it differently.

[21] Setelah meneliti segala kertas kausa yang difailkan dan membaca hujahan bertulis serta mendengar hujahan lisan kedua-dua pihak, mahkamah berpendapat bahawa isu-isu yang harus diputuskan adalah seperti berikut:

(a) sama ada pemohon boleh memohon satu remedi deklarasi daripada mahkamah yang melaksanakan kuasa-kuasa kebankrapan di bawah bidang kuasa kebankrapan;

(b) sama ada pemohon perlu menyerahkan permohonan pemohon kepada pemiutang-pemiutang;

(c) sama ada pemohon berhak untuk dikembalikan kepada status dilepas dengan bersyarat di bawah s 33(10) Akta Kebankrapan 1967; dan

(d) sama ada Ketua Pengarah Insolvensi berhak untuk menukar status pemohon daripada dilepas dengan bersyarat di bawah s 33(10) Akta Kebankrapan 1967 kepada status bankrap secara pentadbiran sahaja tanpa memperolehi perintah Mahkamah terlebih dahulu.

Sama ada pemohon boleh memohon remedi deklarasi daripada Mahkamah Kebankrapan

[22] Dalam perenggan 1 saman dalam kamar, pemohon memohon untuk satu satu perintah deklarasi bahawa perintah pelepasan dengan bersyarat di bawah s 33(10) Akta Kebankrapan 1967 bertarikh 16 September 2008 masih kekal sah dan berkuatkuasa.

[23] Dalam kes *Malaysia Building Society Bhd v Tan Sri General Ungku Nazaruddin bin Ungku Mohamed* [1998] 2 MLJ 425; [1998] 2 CLJ 340, Mahkamah Rayuan telah memutuskan dengan jelas bahawa bidang kuasa kebankrapan mesti diperolehi daripada undang-undang spesifik yang digubal oleh Parlimen terhadap sesuatu perkara ie Akta Kebankrapan. Dalam penghakimannya, HMR Gopal Sri Ram (pada ketika itu) telah putuskan seperti berikut:

> Having considered the arguments advanced on both sides, I am not persuaded that the learned judge who made the order of 19 June 1992 was exercising two

A jurisdictions. I am convinced that he made all the orders of that date in the exercise of his bankruptcy jurisdiction. As I said at the commencement of this judgment, the issue is whether he is empowered to award damages in bankruptcy. There is, in my judgment, much force in the argument of Mr Das that *s 105 of the Act is a complete code within the framework of which must be found all the powers exercisable by the High* B *Court in bankruptcy jurisdiction when considering an application to discharge adjudicating and receiving orders.*

...

It is *settled law that bankruptcy jurisdiction is statutory* so that the *powers of a* C *bankruptcy court are to be discovered from within the terms of the relevant statute*.

[24] Mahkamah ini mendapati tiada peruntukan di bawah Akta Insolvensi 1967 yang memberi kuasa kepada mahkamah untuk memberi remedi perintah deklarasi. Remedi deklarasi adalah satu remedi 'equitable' di bawah Akta Relif D Spesifik 1950 iaitu di bawah bidang kuasa mahkamah sivil dan bukannya di bawah bidang kuasa mahkamah kebankrapan.

[25] Oleh yang demikian, pemohon seharusnya bersandarkan E permohonannya untuk mengembalikan status pelepasan dengan bersyarat di bawah peruntukan Akta Insolvensi 1967 (Akta 360) dan bukannya dengan memohon untuk satu remedi deklarasi yang adalah remedi 'equitable'.

[26] Maka mahkamah mendapati permohonan pemohon ini adalah tidak F teratur dan harus ditolak di atas alasan ini.

Keperluan untuk menyerah permohonan pemohon kepada pemiutang-pemiutang

[27] Kaedah-kaedah 19 dan 21, Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 G memperuntukkan seperti berikut:

19 Penyampaian notis

Kecuali jika Kaedah-Kaedah ini atau Akta memperuntukkan selainnya, suatu permohonan dan affidavit sokongan hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap H pihak yang terjejas tidak kurang daripada lapan hari bekerja sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran.

21 Notis tidak disampaikan kepada semua pihak yang patut

Jika pada pendengaran suatu permohonan, mahkamah berpendapat bahawa mana-mana orang yang kepadanya notis tidak diberikan sepatutnya mempunyai I notis, mahkamah boleh sama ada menolak permohonan itu, atau menangguhkan pendengaran atas terma sebagaimana difikirkannya patut supaya notis boleh diberikan.

[28] Peruntukan-peruntukan ini juga adalah mirip dengan peruntukan di

bawah Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 lampau yang telah dimansuhkan.

[29] Mahkamah mendapati peruntukan k 19 ini menjadikan mandatori untuk sesuatu permohonan diserahkan kepada semua pihak kecuali sekiranya Kaedah-Kaedah ini atau Akta memperuntukkan selainnya.

[30] Peguam pemohon telah pun sahkan kepada mahkamah sewaktu hujahan lisan bahawa permohonan ini hanya diserahkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi dan tidak diserahkan kepada pemiutang-pemiutang.

[31] Pada pendapat mahkamah, adalah penting untuk permohonan ini diserahkan kepada semua pemiutang. Ini adalah kerana pemiutang harus diberikan notis akan niat pemohon untuk mahkamah mengembalikan semula statusnya kepada pelepasan dengan bersyarat daripada status terkini beliau sebagai seorang bankrap dalam rekod bersama KPI.

[32] Dalam hal keadaan sedemikian, adalah menjadi kewajipan pemohon untuk menyerahkan permohonan ini kepada semua pemiutang.

[33] Tambahan pula sewaktu pendengaran di hadapan Pendaftar, tiada perintah dibuat oleh Pendaftar untuk mengecualikan pemohon daripada menyerahkan permohonan ini kepada pemiutang-pemiutang

[34] Mahkamah mendapati kegagalan untuk menyerahkan permohonan ini kepada pemiutang-pemiutang adalah serius dan mahkamah boleh menolak permohonan pemohon atas alasan ini sahaja menurut k 21 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017.

[35] Malah otoriti Mahkamah Rayuan yang dikemukakan oleh pemohon sendiri iaitu *Dato' Lim Huah Leong v Engtex Marketing Sdn Bhd* [2015] 9 MLJ 639; [2016] 5 MLRA 457 di mana fakta kes menunjukkan mahkamah yang berhadapan dengan satu permohonan untuk pelepasan di bawah s 33(3) Akta Kebankrapan 1967, permohonan telah diserahkan kepada pemiutang-pemiutang dan ini boleh dilihat daripada rekod kehadiran peguam-peguam yang mewakili pemiutang-pemiutang tersebut.

[36] Oleh yang demikian, permohonan ini ditolak atas kegagalan mematuhi k 19 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017

Sama ada pemohon berhak untuk dikembalikan kepada status dilepas dengan bersyarat di bawahs 33(10) Akta Kebankrapan 1967

[37] Pemohon memohon agar status beliau pada ketika ini dalam rekod

bersama KPI sebagai bankrap dikembalikan kepada status dahulu iaitu dilepas dengan bersyarat di bawah s 33(10) Akta Kebankrapan 1967 sebagaimana menurut perintah bertarikh 16 September 2008.

[38] Lanjutan daripada itu, pemohon juga memohon agar statusnya dikemaskini oleh Jabatan Insolvensi Malaysia daripada bankrap kepada tidak bankrap dalam rekod Jabatan tersebut.

[39] Pemohon telah mengemukakan seberapa alasan untuk menyokong permohonannya seperti berikut:

(i) tindakan Ketua Pengarah Insolvensi menukar dan mengubah status pemohon tiba-tiba kepada bankrap adalah bertentangan dengan perintah pelepasan bersyarat bertarikh 16 September 2008 yang dikeluarkan dan disempurnakan (*perfected*) oleh Mahkamah Tinggi Muar;

(ii) tiada permohonan di bawah s 91(1) dan (2) Akta Insolvensi oleh KPI untuk merayu dan/atau mengenepikan dan/atau membatalkan dan/atau meminda perintah bertarikh 16 September 2008 tersebut atas dakwaan ketidakpatuhan oleh pemohon;

(iii) tiada apa-apa syarat dalam perintah bertarikh 16 September 2008 berkaitan dengan syarat bayaran RM300. Oleh itu, tidak timbul isu ketidakpatuhan kepada syarat dalam perintah yang diberikan oleh mahkamah;

(iv) kontensi KPI bahawa pemohon gagal memenuhi syarat apabila gagal menjelaskan keseluruhan hutang berjumlah RM38,357,405.63 untuk dilepaskan secara mutlak mengelirukan kerana pemohon bukan memohon untuk pelepasan mutlak; dan

(v) pelbagai inisiatif-inisiatif telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan si bankrap dapat dikeluarkan daripada kebankrapan untuk menjalani hidup yang lebik baik.

[40] Mahkamah berpendapat hujahan pemohon atas alasan (i), (ii), (iii) dan (iv) saling berkait dan boleh diputuskan bersama.

[41] Manakala hujahan balasan pihak KPI kepada hujahan pemohon adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah ini.

[42] Menurut KPI, perintah bertarikh 16 September 2008 yang dikeluarkan oleh mahkamah kepada pemohon adalah perintah pelepasan bersyarat seperti berikut:

... Maka adalah diperintahkan bahawa si bankrap tersebut hendaklah dilepaskan

tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut iaitu: Ia hendaklah bersetuju supaya hukuman dicatitkan terhadapnya oleh KPI sebanyak RM38,357,405.63 tidak termasuk kos dan perbelanjaan KPI kerana baki hutang-hutang yang terbukti di bawah kebankrapan itu yang tidak dijelaskan pada tarikh perintah ini. Dan lagi adalah diperintahkan bahawa apabila persetujuan itu diberikan hukuman hendaklah dicatitkan sebanyak RM38,357,405.63, tidak termasuk kos dan perbelanjaan KPI.

[43] Perintah pelepasan bersyarat ini dikeluarkan selepas pemohon memberikan 'Persetujuan Kepada Suatu Hukuman Dicatitkan Di Bawah Seksyen 33(10) Akta 360 pada 16 September 2008 selaras dengan Kaedah 185 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017'.

[44] Berdasarkan persetujuan ini juga, 'Hukuman Hendaklah Dicatitkan Menurut Persetujuan' telah dikeluarkan pada 16 September 2008 oleh mahkamah yang memerintahkan seperti berikut:

Menurut perintah Mahkamah bertarikh 16hb. September, 2008, yang telah memerintahkan bahawa si bankrap tersebut hendaklah dilepaskan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut iaitu: Ia hendaklah bersetuju supaya hukuman dicatitkan terhadapnya oleh Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia sebanyak RM38,357,405.63, tidak termasuk kos dan perbelanjaan Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia, kerana baki hutang-hutang yang terbukti di bawah kebankrapan itu yang tidak dijelaskan pada tarikh perintah tersebut.

Dan oleh kerana persetujuan yang disebutkan dalam perintah tersebut telah diberi dan difailkan dalam perkara di atas:

Maka pada hari ini adalah dihukumkan bahawa Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia hendaklah mendapatkan daripada Sia Swee Seng tersebut wang sebanyak RM38,357,405.63, tidak termasuk kos dan perbelanjaan Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia.

[45] Menurut KPI, sehingga kini mereka masih belum mendapatkan daripada pemohon wang sebanyak RM38,357,405.63 tidak termasuk kos dan perbelanjaan KPI.

[46] Lanjutan daripada itu KPI berhujah bahawa selagi syarat perintah ini tidak dipenuhi, status pemohon masih belum boleh dilepaskan secara mutlak dalam kes kebankrapan ini.

[47] Ini adalah kerana menurut KPI, bayaran dividen yang telah dibayar setakat ini kepada sembilan pemiutang secara pari pasu sebanyak 0.40% hanya berjumlah RM148,883.88 dan masih belum mencukupi untuk menjelaskan keseluruhan jumlah RM38,357,405.63 tidak termasuk kos dan perbelanjaan KPI yang diyaratkan tersebut.

[48] Pihak KPI juga selanjutnya berhujah bahawa berdasarkan k 187 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017, menjadi tanggungjawab bankrap untuk memberikan kepada KPI dari semasa ke semasa apa-apa maklumat yang mungkin diperlukan oleh KPI berkenaan dengan hartanya yang diperolehi selepas perintah tersebut dan juga memfailkan suatu pernyataan sekali setiap tahun ke mahkamah bagi menunjukkan menunjukkan butir-butir harta atau pendapatan yang mungkin diperolehinya selepas perintah pelepasan bersyarat. Kaedah 187 ini dikemukakan di bawah ini:

> 187 Notis mengenai harta yang diperolehi kemudian kepada Ketua Pengarah Insolvensi
>
> Apabila seorang bankrap dilepaskan tertakluk kepada syarat bahawa penghakiman hendaklah dimasukkan terhadapnya di bawah seksyen 33 Akta atau tertakluk kepada apa-apa syarat lain tentang hartanya yang diperolehi kemudian hendaklah menjadi kewajipannya sehingga penghakiman atau syarat itu dipenuhi dari semasa ke semasa memberi kepada Ketua Pengarah Insolvensi apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki olehnya mengenai hartanya yang diperolehi kemudian dan tidak kurang daripada sekali setahun memfailkan ke mahkamah suatu pernyataan menunjukkan butir-butir mengenai apa-apa harta atau pendapatan yang mungkin telah diperolehinya selepas pelepasannya.

[49] Menurut KPI, sejak perintah bertarikh 16 September 2008 sehingga kini, pemohon gagal mematuhi kehendak k 187 ini.

[50] Selanjutnya KPI berhujah bahawa di bawah s 33(10) Akta Insolvensi 1967 KPI tidak perlu memfailkan apa-apa permohonan ke Mahkamah untuk menukar status kebankrapan pemohon. Ini adalah kerana perintah pelepasan yang diperolehi pemohon adalah 'bersyarat' oleh itu pemohon masih lagi berstatus bankrap dan akan kekal sebagai bankrap memandangkan perintah pelepasan bersyarat tidak memberi kesan pelepasan atau memberikan status 'tidak bankrap' kepada pemohon apabila syarat tidak dipenuhi ('a conditional discharge order does not have the effect of a discharge when the conditions are not fulfilled').

[51] Manakala berkenaan status pemohon pada carian kebankrapan yang menunjukkan pemohon sebagai 'Tidak Bankrap', pihak KPI sewaktu penghujahan lisan menjelaskan bahawa ianya adalah suatu kesilapan di pihak pentadbiran mereka.

[52] Manakala menurut KPI dalam afidavit jawapan mereka, pemohon tidak harus bergantung kepada keputusan carian kebankrapan tersebut selagi pemohon tahu yang syarat tersebut belum dipatuhi.

[53] KPI juga selanjutnya menyatakan bahawa keputusan carian kebankrapan tersebut adalah tertakluk kepada penafian oleh KPI dalam carian

kebankrapan tersebut seperti berikut:

> Walaupun segala usaha telah dilakukan untuk memastikan semua maklumat adalah tepat dan terkini, KPI tidak bertanggungan atas apa-apa kerugian yang timbul akibat ketidaktepatan atau ketinggalan maklumat.

[54] Menurut KPI lagi, dalam tempoh pelepasan bersyarat tersebut, KPI masih berperanan untuk memantau dengan memastikan bayaran dibuat kepada pemiutang tanpa gagal. Sekiranya pemohon gagal mematuhi syarat-syarat pelepasan, maka pentadbiran kes kebankrapan masih diteruskan.

[55] Sekiranya pemohon telah mematuhi syarat-syarat di dalam perintah pelepasan bersyarat, pemohon perlu memfailkan permohonan ke mahkamah untuk mendapatkan pelepasan mutlak. Ini kerana mahkamah telah menetapkan syarat ke atas pelepasan pemohon dan untuk direkodkan status tidak bankrap dan dilepaskan secara mutlak, pemohon hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh mahkamah.

[56] KPI juga berhujah tiada kebenaran mahkamah diperlukan untuk menukar status kebankrapan kerana kebenaran mahkamah hanya diperlukan untuk melaksanakan perintah persetujuan.

[57] Menurut KPI, pelaksanaan di bawah s 33(10) Akta 360 bermaksud pelaksanaan terhadap penghakiman persetujuan yang dibuat di antara KPI dan pemohon tersebut pada 16 September 2008.

ANALISA DAN DAPATAN MAHKAMAH

[58] Tidak boleh dipertikaikan bahawa pemohon hanya dilepaskan dengan bersyarat menurut s 33(10) Akta Kebankrapan 1967. Sila rujuk kes *Jivol @ Edmund bin Doudilim v The Director General of Insolvency Malaysia* [2023] 10 MLJ 140; [2023] 4 CLJ 500.

[59] Juga tidak boleh dipertikaikan bahawa perintah pelepasan bersyarat tersebut belum dipatuhi kerana KPI masih belum mendapatkan daripada pemohon wang sebanyak RM38,357,405.63 tidak termasuk kos dan perbelanjaan KPI.

[60] Maka status pemohon adalah masih bankrap tetapi hanya dilepaskan dengan bersyarat dan harta pemohon masih di bawah pentadbiran KPI.

[61] Dalam kes *Per Pathmasingam Mavilaganan v Public Bank Bhd* [1999] MLJU 764; [2000] 2 CLJ 92, si bankrap telah memohon untuk suatu pelepasan di bawah s 33 Akta 360. Fakta dalam kes tersebut adalah seperti

berikut:

> Pada pendengaran permohonan tersebut, pegawai pemegang harta telah memberitahu mahkamah bahawa satu dividen sebanyak 31.33% akan dibayar kepada pemiutang-pemiutang, bukannya 28.43%, sepertimana dinyatakan dalam laporan pertama tersebut.
>
> Pegawai pemegang harta telah menyatakan bahawa semenjak pemfailan laporan pertama tersebut, si bankrap telah membayar ansuran tertunggak dan oleh yang demikian kelakuannya sekarang adalah memuaskan, walaupun perkara ini tidak dinyatakan dalam laporan pertama tersebut.
>
> Walau bagaimanapun, berdasarkan fakta-fakta yang terkandung dalam laporan pertama tersebut dan memandangkan jumlah yang besar masih dihutang, perayu telah memohon supaya mahkamah menggunakan bidang kuasa yang sedia ada dalam Akta Kebankrapan 1967 dan memerintah satu pelepasan bersyarat iaitu memasukkan penghakiman untuk jumlah yang masih tertunggak, tetapi Penolong Kanan Pendaftar yang bijaksana telah memberi perintah melepaskan si bankrap tanpa bersyarat. Terhadap keputusan ini, perayu telah memfailkan satu notis rayuan kepada hakim dalam kamar bertarikh 5 Februari 1999 (Kandungan (40)).

Hakim Low Hop Bing (pada ketika itu) telah memutuskan seperti berikut:

> Si bankrap sehingga permohonan untuk perlepasan difailkan, tidak membuat bayaran ansurannya dan hanya membuat bayaran sebanyak RM11,700 sebelum pendengaran permohonannya (Kandungan (33)). Adalah jelas bahawa si bankrap masih tidak membayar ansurannya selama lebih kurang setengah tahun. Adalah relevan untuk mahkamah ini mempertimbangkan tingkahlaku si bankrap dengan berdasarkan kepada polisi awam (public policy): *Re Lau Kah Lay And Tang Kuong Tiew Ex parte Cold Storage (Malaysia) Berhad* [1998] MLJU 17; [1998] 2 AMR 1347 *Re Stern (A Bankrupt), Ex parte Keyser Ullmann Ltd & Others v The Bankrupt & Others* [1982] 2 All ER 600 dan *Re Ang Ah Kang* [1993] MLJU 656; [1994] 2 CLJ 738.
>
> Perayu telah membuktikan fakta dalam s 33(6)(d) dan (m) dan oleh itu, perintah pelepasan tidak harus dibuat. Oleh itu, saya benarkan rayuan ini dan ketepikan perintah pelepasan yang dibuat oleh Penolong Kanan Pendaftar yang bijaksana dan berdasarkan kepada s 33(10), saya memasukkan penghakiman untuk jumlah yang masih dihutang iaitu RM317,014.35 dengan kos.

[62] Fakta dalam kes *Pathmasingam Mavilaganan* menunjukkan bahawa sekiranya ada sebarang keingkaran di pihak si bankrap, beliau tidak boleh dilepaskan daripada status bankrap dan hanya boleh dilepaskan dengan bersyarat.

[63] Dalam kes di sini perintah pelepasan bersyarat belum dipatuhi kerana KPI masih belum mendapatkan daripada pemohon wang sebanyak RM38,357,405.63 tidak termasuk kos dan perbelanjaan KPI.

[64] Oleh yang demikian, tidak timbul persoalan bahawa pemohon boleh dikembalikan ke status tidak bankrap. A

[65] Selanjutnya juga mendapati s 33 Akta Insolvensi iaitu seksyen relevan berkaitan pelepasan si bankrap ('discharge if bankrupt') tidak memperuntukkan keperluan KPI untuk membuat sebarang permohonan kepada mahkamah untuk menukar status pemohon daripada pelepasan bersyarat di bawah s 33(10) kepada status bankrap. B

[66] Mahkamah berpendapat sudah pasti dalam pemikiran penggubal undang-undang adalah tidak perlu untuk KPI memohon kepada mahkamah untuk menukar dari status pelepasan bersyarat di bawah s 33(10) kepada status bankrap kerana status seseorang seperti pemohon yang dilepaskan bersyarat masih kekal sebagai seorang bankrap selagi syarat tidak dipatuhi. C

D

[67] Malah ketidakperluan untuk KPI membuat permohonan sedemikian disokong oleh pindaan-pindaan yang diperkenalkan kepada Akta Kebankrapan sejak tahun 1998 yang bertujuan untuk memberi kuasa kepada KPI membuat keputusan ke atas sesuatu kes pelepasan bankrap tanpa memerlukan perbicaraan di mahkamah. E

[68] Memandangkan KPI masih belum mendapatkan daripada pemohon wang sebanyak RM38,357,405.63 tidak termasuk kos dan perbelanjaan KPI, maka adalah tidak perlu untuk KPI membuat permohonan kepada mahkamah untuk menukar status pemohon daripada Pelepasan Bersyarat di bawah s 33(10) kepada status bankrap. F

[69] Oleh yang demikian, adalah hak KPI untuk menukar status pemohon dalam rekod mereka kepada bankrap. Perintah pelepasan bersyarat 16 September 2008 masih kekal dan terpulang kepada pemohon untuk mematuhi syaratnya dan kemudian memohon untuk pelepasan mutlak. G

[70] Sekiranya pemohon tidak dapat mematuhi syarat, sebagaimana yang dihujahkan oleh pihak KPI, pemohon juga boleh memohon untuk remedi di bawah s 33(5) Akta 360 yang menyatakan seperti berikut: H

> KPI ingin merujuk kepada Seksyen 33(5) Akta 360 (TAB 'C' IKATAN OTORITI KPI) yang menyatakan seperti di bawah:
>
> > If at any time after the expiration of two years from the date of any order made under this section the bankrupt satisfies the court that there is no reasonable probability of his being in a position to comply with the terms of such order, the court may modify the terms of the order or any subsequent order in such manner and upon such conditions as it thinks fit. I

A **[71]** Menurut seksyan ini, sekiranya pada bila-bila masa selepas tamat dua tahun dari tarikh sebarang perintah yang dibuat di bawah seksyen ini, sekiranya bankrap boleh memberi jaminan kepada mahkamah bahawa tidak ada kemungkinan yang munasabah berada dalam kedudukan untuk mematuhi syarat-syarat perintah tersebut, mahkamah boleh mengubah syarat perintah atau membuat perintah berikutnya dengan cara dan dengan syarat yang difikirkan sesuai.

[72] Dalam kes ini tiada sebarang permohonan yang difailkan oleh pemohon untuk mengubah syarat dalam perintah pelepasan bersyarat tersebut atau memfailkan permohonan ke mahkamah untuk mendapatkan pelepasan mutlak sekiranya pemohon ingin mengubah status bankrapnya kepada 'tidak bankrap'.

[73] Selanjutnya, saya telah meneliti s 91 Akta 360 dan memutuskan bahawa peruntukan ini, tidak terpakai sebagaimana yang dihujahkan oleh peguam pemohon yang bijaksana.

[74] Subseksyen (1) Akta 360 ini terpakai kepada situasi di mana timbul sesuatu persoalan 'priorities', atau sebarang persoalan-persoalan lain sama ada undang-undang atau fakta dalam suatu kes kebankrapan yang mahkamah mendapat tahu dan mahkamah anggap perlu dan suai maanfaat untuk diputuskan bagi tujuan mentadbir keadilan sepenuhnya atau pengagihan sepenuhnya harta dalam sesuatu kes.

[75] Manakala sub-s (2) Akta 360 ini terpakai kepada situasi di mana sekiranya seseorang penghutang atau pihak lain ingkar perintah atau arahan mahkamah, kpi atau mana-mana pegawai mahkamah, mahkamah boleh atas permohonan KPI atau orang yang diberi kuasa atau atas usulnya sendiri perintahkan penghutang atau pihak yang mengingkari perintah atau arahan tersebut untuk mematuhinya dan sekiranya perlu, buat perintah komital terhadap penghutang atau pihak lain tersebut dengan serta-merta.

[76] Justeru itu, adalah jelas bahawa s 91 Akta 360 tidak terpakai kepada KPI untuk memohon menukar dari pelepasan bersyarat kepada status bankrap.

[77] Manakala berkenaan alasan pemohon bahawa pelbagai inisiatif-inisiatif telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan si bankrap dapat dikeluarkan daripada kebankrapan untuk menjalani hidup yang lebik baik, memandangkan mahkamah mendapati status pemohon dilepas dengan bersyarat masih kekal, maka terpulang kepada pemohon untuk membuat permohonan yang sewajarnnya untuk mendapatkan pelepasan menurut peruntukan yang sewajarnya.

KEPUTUSAN

[78] Kesimpulannya, berdasarkan kepada alasan-alasan terebut di atas, mahkamah mendapati rayuan pemohon ini tidak bermerit dan PKP telah dengan betulnya menolak permohohan pemohon.

[79] Maka, mahkamah memutuskan untuk menolak rayuan pemohon dengan kos dan mengekalkan keputusan PKP.

Rayuan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh